


BIOT4B15

15.3 KITAR HAID

Modul Biologi T4 2021 ms 117-118

1. Rajah 1a menunjukkan sebahagian sistem pembiakan wanita.
Rajah 1b menunjukkan peringkat kitar ovari dalam ovari. KLON SPM 2017



Labelkan J, K dan L.

- a. Berdasarkan rajah 1b,

- i. **Susun perkembangan struktur J membentuk struktur K dan L dalam kotak hitam.**

Apabila FSH dirembeskan, oosit primer dalam folikel primer berkembang menjadi oosit sekunder.

Apabila kepekatan estrogen cukup tinggi, penghasilan FSH direncat dan LH dirangsang.

Selepas pembebasan oosit sekunder, folikel Graaf menjadi korpus luteum.

Sel-sel folikel primer dan sekunder merembeskan estrogen yang membaiki dan memulihkan endometrium.

Aras LH yang tinggi merangsang pengovulan, folikel Graaf membebaskan oosit sekunder.

1

2

3

4

5

- ii. **Struktur K berkembang membentuk struktur L.**
Pilih pernyataan yang betul tentang struktur K dan struktur L.

- Struktur K mengandungi oosit sekunder manakala struktur L mengandungi oosit primer.
- Struktur K mengandungi oosit sekunder manakala struktur L tidak mengandungi oosit.
- Struktur K tidak mengandungi oosit manakala struktur L mengandungi oosit primer.

b. Hormon-hormon berikut terlibat dalam pembentukan ovum.

- Hormon peluteinan (LH)
- Hormon perangsang folikel (FSH)
- Estrogen

Satu hormon mengawal perembesan hormon-hormon lain sebelum ovulasi berlaku.

Pilih hormon yang betul.

1. Kelenjar pituitari mula merembeskan _____.
2. FSH merangsang sel folikel merembeskan _____.
3. Apabila hormon estrogen mencapai tahap tertentu, kelenjar pituitari dirangsang untuk merembeskan _____.
4. _____ menyebabkan ovulasi berlaku.

c. Pil pencegah kehamilan mengandungi hormon estrogen dan progesteron.



Tentukan peranan **hormon progesteron** dalam **pencegahan kehamilan**.

Pilih **BETUL** atau **SALAH**.

- i. Hormon progesteron dalam pil perancang menghalang penghasilan FSH dan LH. _____
- ii. Hormon progesteron dalam pil perancang merangsang ovulasi. _____
- iii. Tanpa ovulasi, tiada ovum disenyawakan dan tiada persenyawaan berlaku. _____

d. Dalam sesetengah kehamilan, suatu kecederaan berlaku dalam tiub Falopio yang menyebabkan **pembentukan tisu parut** seperti dalam Rajah 1a.

Bagaimanakah kehadiran tisu parut memberi kesan kepada kehamilan?

- A. Tisu parut mengganggu rembesan darah haid
- B. Tisu parut menyebabkan hormon peluteinan tidak dirembeskan dan ovulasi tidak berlaku
- C. Tisu parut menyebabkan hormon estrogen tidak dirembeskan dan endometrium tidak menebal
- D. Tisu parut menghalang sperma memasuki tiub falopio dan menghalang percantuman antara sperma dan ovum